



15 Julai 2019
15 July 2019
P.U. (A) 196

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH FI (VISA SEMASA KETIBAAN)
(PINDAAN) 2019

*FEES (VISA ON ARRIVAL) (AMENDMENT)
ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (VISA SEMASA KETIBAAN) (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Visa Semasa Ketibaan) (Pindaan) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2019.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Fi (Visa Semasa Ketibaan) 2014 [*P.U. (A) 127/2014*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 3 dengan menggantikan perkataan “RM330” dengan perkataan “RM200”.

Pindaan perenggan 4

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subsubperenggan (b)—

(i) dalam subsubsubperenggan (iv), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subsubsubperenggan itu; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subsubsubperenggan (v) subsubsubperenggan yang berikut:

“(vi) Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah;

(vii) Lapangan Terbang Miri, Sarawak;

(viii) Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Selangor;

- (ix) Pos Kawalan Imigresen, Terminal Feri Antarabangsa Labuan;
 - (x) Pos Kawalan Imigresen, Sungai Tujoh, Sarawak; atau
 - (xi) Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam, Kedah;”;
- (b) dalam subsubperenggan (d), dengan menggantikan perkataan “tujuh hari” dengan perkataan “lima belas hari”; dan
- (c) dengan menggantikan subsubperenggan (f) dengan subsubperenggan yang berikut:
- “(f) pelancong hendaklah mempunyai dalam milikannya jumlah wang sekurang-kurangnya *USD500* atau amaun yang bersamaan dengannya dalam Ringgit Malaysia dan bukti wang itu hendaklah dikemukakan sama ada dalam bentuk tunai, cek kembara, kad kredit, kad debit atau wang elektronik yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia.”.

Dibuat 10 Julai 2019
[KDN.IM.S.600-1/3/38 JLD.2; PN(PU2)86/XXVII]

Dengan Titah Perintah,

DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR
Setiausaha Jemaah Menteri

[Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951]

FEES ACT 1951

FEES (VISA ON ARRIVAL) (AMENDMENT) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Fees Act 1951 [*Act 209*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Fees (Visa On Arrival) (Amendment) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 15 July 2019.

Amendment of paragraph 3

2. The Fees (Visa On Arrival) Order 2014 [*P.U. (A) 127/2014*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 3 by substituting for the word “RM330” the word “RM200”.

Amendment of paragraph 4

3. Paragraph 4 of the principal Order is amended—

(a) in subparagraph (b)—

(i) in subparagraph (iv), by deleting the word “or” at the end of the subparagraph; and

(ii) by inserting after subparagraph (v) the following subparagraphs:

“(vi) Langkawi International Airport, Kedah;

(vii) Miri Airport, Sarawak;

(viii) Sultan Abdul Aziz Shah Airport, Selangor;

- (ix) Immigration Control Post, Labuan International Terminal Ferry;
 - (x) Immigration Control Post, Sungai Tujoh, Sarawak; or
 - (xi) Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex Bukit Kayu Hitam, Kedah;”;
- (b) in subparagraph (d), by substituting for the words “seven days” the words “fifteen days”; and
- (c) by substituting for subparagraph (f) the following subparagraph:
- “(f) the tourist shall have in his possession an amount of at least USD500 or an equivalent amount in Ringgit Malaysia and the proof of money shall be produced whether in the form of cash, traveller’s cheque, credit card, debit card or electronic money recognized by the Central Bank of Malaysia.”.

Made 10 July 2019
[KDN.IM.S.600-1/3/38 JLD.2; PN(PU2)86/XXVII]

By Command,

DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR
Secretary to the Cabinet

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951]